

Karnival pendidikan IPTS buka peluang sambung belajar

Bisnes HM

bisnes@hmetro.com.my



(Dari kiri) Pengarah Urusan Iklanika, Ahmad Shukri Abdul Ghani; Pengarah Urusan Mydin, Datuk Wira Ameer Ali Mydin dan Presiden PKIBM, Amir Hamzah Md Isa pada majlis menandatangani MoU bagi penganjuran Karnival Pendidikan MyUni 2022.

Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia (PKIBM), Mydin Mohamed Holdings Berhad dan Iklanika Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menjayakan Karnival Pendidikan MyUni 2022 yang bakal berlangsung di seluruh negara bermula 14 Mei hingga 19 Jun ini.

PKIBM diwakili Presiden, Amir Hamzah Md Isa manakala Mydin Mohamed Holdings Berhad diwakili Pengarah Urusan, Datuk Wira Ameer Ali Mydin dan Iklanika Sdn Bhd oleh Pengarah Urusan, Ahmad Shukri Abdul Ghani.

Buat julung-julung kali, ketiga-tiga pihak akan bekerjasama untuk menjayakan Karnival Pendidikan MyUni, iaitu siri jelajah promosi peluang pendidikan yang ditawarkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kepada semua lepasan sekolah di seluruh negara.

Penganjuran Karnival Pendidikan MyUni bertujuan membantu lebih ramai pelajar dan lepasan sekolah mendapat maklumat mengenai hala tuju, bidang bersesuaian dan peluang yang ditawarkan PTS yang mengambil bahagian.

Melalui MoU itu, PKIBM komited untuk terus memainkan peranan yang aktif dalam arus perdana pendidikan tinggi negara dengan menyediakan akses ke pendidikan tinggi kepada kelompok B40 khususnya yang tidak mendapat tempat di institusi pendidikan tinggi awam.

Sebagai pertubuhan kebangsaan ditubuhkan sejak September 2000 yang menaungi 54 PTS milikan Usahawan Pendidikan Bumiputera di seluruh negara, PKIBM berharap inisiatif ini dapat membantu lebih banyak PTS Bumiputera khususnya yang bersaiz sederhana dan kecil menyertai karnival pendidikan sekali gus mempromosikan program-program pengajian yang ditawarkan sama ada di peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Mydin, syarikat perniagaan runcit dan borong terbesar di Malaysia yang mempunyai jenama yang kukuh pula akan menyokong usaha murni PKIBM untuk membantu lebih ramai lepasan sekolah khususnya dalam keluarga B40 yang tidak ditawarkan tempat di institusi pengajian tinggi awam, mendapat peluang pendidikan tinggi yang berkualiti.

Selain itu, Mydin juga akan menyokong usaha membantu Kementerian Pengajian Tinggi meningkatkan akses lepasan sekolah ke pendidikan tinggi yang sejak dua tahun lalu, merosot teruk berikutan pandemik Covid-19.

Menerusi usaha murni ini, Mydin juga bersedia menjalankan kerjasama yang bersesuaian dengan PKIBM untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan tinggi dalam kalangan masyarakat dan membantu mempromosikan peluang pendidikan yang ditawarkan 54 ahli persatuan yang terdiri daripada universiti, kolej universiti dan kolej kepada masyarakat.

Bagi Karnival Pendidikan MyUni 2022, pasar raya besar Mydin akan menjadi lokasi penganjuran kepada tujuh daripada 11 siri jelajah iaitu di Pulau Pinang, Perak, Melaka, Sarawak, Johor, Kelantan dan Lembah Klang.

Sebagai penganjur bersama Karnival Pendidikan MyUni 2022, Iklanika pula komited menyediakan lokasi acara yang selesa serta kondusif kepada pempamer dan juga pengunjung selain memastikan keselamatan di setiap lokasi acara mengikut SOP yang ditetapkan kerajaan.

Iklanika yang berpengalaman lebih sedekad dalam penganjuran karnival pendidikan juga akan berkerjasama dengan pihak Mydin secara eksklusif dengan menjadikan pasar raya besar sebagai lokasi penganjuran pada masa akan datang.

Disiarkan pada: April 19, 2022 @ 4:27pm